

06/12/1998

Dendam Soros terserlah

UCAPAN George Soros ketika berucap di Universiti John Hopkins, Washington kelmarin, jelas menunjukkan beliau menyimpan dendam terhadap Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Entah apa kaitannya dengan hal ehwal politik negara ini, Soros mendesak supaya Perdana Menteri, disingkirkan. Entah sejauh mana pula pengetahuannya mengenai nilai, budaya dan sistem kehakiman di negara ini, beliau mahukan supaya bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dibebaskan daripada tahanan penjara. Apakah sistem perundangan negara ini perlu patuh kepada desakan yang datangnya daripada 'penyangak antarabangsa' yang menyebabkan ramai manusia menderita.

Soros mungkin boleh menggunakan kuasa kekayaan dan wangnya untuk memporak-perandakan ekonomi sesebuah negara tanpa perlu takut menanggung dosa. Tetapi, beliau tidak boleh sekali-kali bertindak untuk menjatuhkan maruah bangsa dan negara ini. Percayalah, rakyat negara ini akan mempertahankan ketuanan bangsa dan negara mereka, sekali pun nyawa menjadi pertaruhan.

Sekarang, sudah jelas lagi bersuluh. Inilah yang sebenarnya dikehendaki oleh penyokong reformasi. Mereka mahukan pembelaan tidak kira daripada siapa. Jika sebelum ini Naib Presiden Amerika Syarikat (AS), Al Gore dan Setiausaha Negaranya, Medeleine Albright, berani menunjukkan sikap celupar mereka, kini sokongan yang begitu lantang datangnya daripada seorang pedagang mata wang berbangsa Yahudi, yang banyak menghirup keringat rakyat di beberapa negara termasuk di negara kita dan rantau ini, demi mengumpul kekayaannya.

Kita mempersoalkan mengapa Soros mengambil kesempatan ketika memperkatakan buku barunya, 'The Crisis of Global Capitalism' (Krisis Kapitalisme Global) turut membangkitkan soal rumah tangga negara ini. Apakah, disebabkan beliau menyedari bahang gerakan reformasi di Malaysia kian pudar, maka dia mahu menyemarakkannya semula. Jika inilah tujuannya, adalah jelas beliau memang mahukan keadaan negara ini, sentiasa dalam keadaan huru hara. Atau, adakah disebabkan beliau menyedari ekonomi Malaysia kian pulih, maka dia cuba mengocakkannya semula? Jika inilah tujuannya, Soros memang menyimpan niat yang jahat terhadap kepemimpinan dan seluruh rakyat negara ini.

Kemarahan Soros terhadap Dr Mahathir, mudah difahami. Dr Mahathir adalah satu-satunya pemimpin yang membongkar kegiatan Soros yang mempapakan negara sasarannya. Dr Mahathir berjaya mengumpul pendapat umum dari seluruh pelosok dunia untuk menuding jari terhadap perbuatan buruk Soros yang bertanggungjawab mengucar-kacirkan ekonomi di banyak negara. Disebabkan tidak ada pemimpin dunia lain yang berani menyentuh Soros kerana bimbang tindakan yang akan diambil menerusi kuasa wangnya, hanya Dr Mahathir yang sanggup mempertaruhkan dirinya demi keamanan sejagat. Selepas ini, jika kawalan urus niaga mata wang diterima sebagai satu mekanisme global untuk membanteras spekulasi mata wang yang dikepalai Soros, api kemarahannya pastinya memuncak.

Kita tidak boleh menafikan Soros adalah punca utama meletusnya kekecohan di Indonesia yang berpunca daripada kejatuhan nilai wang rupiah. Kejatuhan rupiah menimbulkan pelbagai kesan hingga menyebabkan harga barangan di republik itu meningkat secara mendadak. Kerajaan Indonesia terpaksa meminjam wang daripada pelbagai sumber termasuk Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) yang mengenakan pelbagai syarat mengikat. Keadaan ini akhirnya menyebabkan rakyat bangkit dan mencari kesalahan pemimpin.

Rusuhan demi rusuhan berlaku dan banyak nyawa terkorban.

Soros mungkin mengharapkan keadaan di Indonesia, merebak ke Malaysia. Jika itulah yang diharapkan, Soros harus melupakan niatnya kerana rakyat negara ini tidak akan mengikut telunjuk orang yang beraja di mata.

(END)